

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HLM 402 Tajuk-Tajuk di Dalam Teater dan Drama Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Tiap-tiap soalan mesti disokong dengan contoh daripada sekurang-kurangnya Dua (2) buah drama.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bahasa memainkan peranan yang penting dari sudut kandungan mahupun bentuk drama, sejak zaman sandiwara hingga zaman kontemporari. Bincangkan.
2. Terdapat unsur-unsur kebudayaan seperti bahasa, adat istiadat, lagu dan tarian di dalam drama sandiwara dan drama eksperimental. Bandingkan kegunaan unsur-unsur ini di dalam drama sandiwara dan drama eksperimental.
3. Huraikan bagaimana penulis drama 80-an (Melayu atau Inggeris) bertindak balas terhadap perkembangan politik zaman mereka.
4. Bincangkan bagaimana dan kenapa corak persembahan 'multimedia' dipergunakan dalam teater eksperimental 70-an dan 80-an.
5. Penulis drama moden sentiasa membangkitkan watak-watak daripada sejarah, dongeng dan cerita rakyat di dalam karya mereka tetapi watak-watak ini membawa peranan baru bersesuaian dengan suasana sosio-politik sezaman dengan penulis. Bincangkan.

6. Sejauh manakah penulis-penulis drama bahasa Inggeris berjaya menonjolkan masalah orang bukan Melayu di Malaysia melalui drama moden?

-ooooOOOoooo-